

20 MAC 2018

Trump mahu pengedar dadah dihukum mati

Trump mahu pengedar dadah dihukum mati

WASHINGTON – Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump dijadual membentangkan rancangan bagi memerangi gejala penyalahgunaan ubat penahan sakit, opioid termasuk mengenakan hukuman mati untuk pengedar dadah.

Jabatan Keadilan akan meminta hukuman mati terhadap pengedar dadah, di mana bersesuaian dengan undang-undang sedia ada, kata seorang pegawai White House kelmarin ketika menggariskan perkara-perkara utama dalam pelan berkenaan.

Pegawai terbabit tidak menjelaskan secara terperinci tentang bagaimana hukuman mati boleh dikenakan terhadap pengedar dadah tanpa pindaan undang-undang.

Trump dijadualkan mendedahkan rancangannya dalam satu ucapan di Manchester, New Hampshire, negeri yang teruk



GAMBAR fail bertarikh 26 Oktober 2017 menunjukkan Trump berucap mengenai ketagihan opioid di White House.

dilanda krisis tersebut.

Dianggarkan seramai 2.4 juta rakyat AS ketagih opioid, dadah yang termasuk preskripsi ubat tahan sakit di samping heroin.

Di seluruh negara, kunjungan ke wad kecemasan akibat pengambilan dadah berlebihan seperti heroin, fentanyl dan ubat tahan sakit pula mening-

kat 30 peratus dari 2016 hingga 2017, kata Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) awal bulan ini.

Laporan itu mendapati bahawa antara Julai 2016 hingga September 2017, sebanyak 142,447 kunjungan ke wad kecemasan dibuat oleh mereka yang disyaki mengambil opioid berlebihan.

Trump sebelum ini mempertimbangkan hukuman mati terhadap pengedar dadah dan dikatakan memuji dasar pemimpin Filipina, Rodrigo Duterte yang telah mengarahkan pembunuhan di luar undang-undang melibatkan pengedar dadah.

“Jika kamu tembak seorang individu, mereka berikan kamu hukuman penjara seumur hidup, mereka berikan kamu hukuman mati. Mereka ini (pengedar dadah) boleh membunuh 2,000 atau 3,000 orang dan tiada apa berlaku kepada mereka,” katanya. – AFP